



**AMALAN DIALOG ANTARA AGAMA DALAM KALANGAN
AHLI ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)
NEGERI JOHOR DAN PERTUBUHAN PENYEBARAN ISLAM
ANTARABANGSA (IPSI)**

(The Practices of Inter-Religious Dialogue Among Malaysian Youth Islamic Movement of Johor (ABIM Johor) And The Islamic Propagation Society International (IPSI))

¹ AHMAD FAIZUDDIN RAMLI

^{1, 2} JAFFARY AWANG

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

² Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Dialog antara agama adalah merupakan interaksi antara pelbagai penganut agama untuk membina persefahaman dan memupuk sikap toleran antara satu sama lain. Dalam konteks negara ini, amalan dialog antara agama mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak NGO antaranya Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Johor. Kertas kerja ini akan membincangkan tahap dan bentuk amalan dialog antara agama kedua-dua ahli pertubuhan. Reka bentuk kajian adalah bersifat kuantitatif dan kualitatif. Bagi kuantitatif, seramai 60 ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) dan 102 ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor telah terlibat sebagai responden. Bagi kualitatif, metode temu bual digunakan terhadap dua pimpinan setiap pertubuhan. Selain itu, sejumlah dokumen-dokumen pertubuhan seperti laporan tahunan, buletin, laman sesawang turut dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan dialog antara agama ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) adalah pada tahap tinggi, dengan jumlah skor min sebanyak 3.50, manakala tahap amalan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor adalah pada tahap sederhana, iaitu min sebanyak 3.35. Dapatan juga menunjukkan, bentuk amalan dialog antara agama ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) lebih efektif daripada bentuk amalan dialog antara agama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor.

Corresponding author: Ahmad Faizuddin Ramli, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia,
e-Mail: faizassyrirazi@gmail.com

Diserahkan: 6 Mac 2014

Diterima: 24 Julai 2014

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2014-0602-03>





Kata Kunci: Dialog, Dialog antara agama, toleransi beragama, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor, Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI).

ABSTRACT

Inter-religious dialogue is an interaction among the people from different religion in order to build mutual understanding and tolerance in the society. In the context of this country, the practice of inter-religious dialogue took place in the community, mainly organized by Muslim NGO's such as Malaysian Youth Islamic Movement of Johor (ABIM Negeri Johor) and the Islamic Propagation Society International (IPSI). This article will discuss the level of practicing and the method of interfaith dialogue among both organizations. This research design uses qualitative and quantitative method by using library research, survey methods and interviews. The questionnaires have distributed among 102 respondents of the Malaysian Youth Islamic Movement of Johor (ABIM) Johor members and 60 respondents from the Islamic Propagation Society International (IPSI). The qualitative interview method used against two leaders of each organization. In addition, a number of documents, such as the organization's annual report, newsletters, and websites were analyzed. The results showed that the level of inter-religious dialogue practices of the Islamic Propagation Organization International (IPSI) are high, with a mean score of 3.50, while the Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) Johor is at a medium level, with a mean score of 3.35. The study also shows, the level of inter-religious dialogue method of International Islamic Propagation Organization (IPSI) is more effectively than the Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) Johor.

Key words: interreligious dialogue, religious tolerance, religious pluralism, Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) Negeri Johor, Islamic Propagation Organization International (IPSI).

PENGENALAN

Dialog antara agama ialah satu wadah dalam membina sebuah peradaban manusia yang bersifat pluralistik. Dialog adalah satu-satunya mekanisme yang dapat mewujudkan suasana masyarakat beragama yang kondusif, saling menghormati dan meraikan pandangan yang berbeza sesuai dengan fitrah penciptaan manusia. Proses dialog yang berlangsung antara pelbagai unsur agama, budaya, dan pemikiran dalam sesebuah tamadun manusia akan menyumbang kepada pemupukan persefahaman dan keharmonian dalam kehidupan. Frasa dialog menurut Kamus Dewan (2005) dan *The New Encyclopedia Britannica* (2002) adalah kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksiyen. Ia juga merujuk kepada genre sastra dalam bentuk perbualan. Dalam kalangan sarjana bahasa Arab seperti Ibn Manzur (t.th), dialog atau *al-ḥiwār* dan *al-muḥāwarah* merujuk kepada perbuatan mengembalikan sesuatu kepada sesuatu dengan maksud mengembalikan percakapan atau perkataan antara orang yang saling bercakap.





Dialog antara agama menurut Ghazali Basri (2009) adalah suatu kesediaan dan keupayaan sesebuah kelompok agama memberi reaksi terhadap sebarang isu berbangkit sama ada melibatkan kelompoknya sendiri atau orang lain. Manakala Osman Bakar (2003), berpendapat dialog antara agama sebagai mekanisme untuk mengenal pasti titik persamaan dan perbezaan antara agama. Kamar Oniah (2010) dalam *Religion and Pluralistic Co-Existence*, pula berpandangan bahawa dialog antara agama adalah perbincangan dan wacana yang melibatkan pelbagai komuniti agama, untuk memahami persepsi dan pendirian berhubung dengan sesuatu isu atau untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam kalangan mereka. Pandangan ini selaras dengan pandangan Hans Kung, yang mendefinisikan dialog antara agama sebagai wacana mengenai komponen utama agama dalam kalangan ilmuwan pelbagai agama (Ahmad Husni Haji Hasan 2011). Rumusannya, dialog antara agama dapat difahami sebagai suatu bentuk interaksi, perbualan antara pihak yang berlainan agama samada dalam aspek yang bersifat teologi, ritual atau universal. Matlamatnya adalah untuk membina persefahaman dalam kalangan penganut agama seterusnya dapat memupuk semangat toleransi antara pandangan yang berbeza.

Pengalaman dialog di Malaysia bukanlah suatu yang asing dalam kalangan masyarakat, kerana kepulauan Melayu sejak dahulu telah menjadi tempat persinggahan para pedagang dari pelbagai bangsa dan negara. Implikasi daripada pertembungan yang berlaku melangsungkan aktiviti dialog antara bangsa Melayu dengan bangsa lain dalam suatu tempoh yang agak lama (Azizan Baharuddin 2008). Menurut Ghazali Basri (2000), suasana pluralistik menjadi pemangkin kepada dialog antara agama telah wujud dalam tamadun Alam Melayu seawal abad ke-17 Masihi. Kepelbagaian akhirnya membawa kepada proses pertembungan tamadun, budaya dan agama daripada serata dunia termasuklah melalui aspek perdagangan, penyebaran dakwah mahupun penjajahan dan seterusnya membentuk tradisi intelek dalam kalangan masyarakat. Dialog antara agama yang berlaku pada tempoh tersebut bagaimanapun lebih bersifat tidak formal. Perkembangan masa dan zaman menjadi faktor berkembang dan meningkatnya tahap pemikiran dan keadaan sesuatu masyarakat. Perlaksanaan dialog antara agama secara formal dan drastik mula dikesan menjelang awal tahun 80-an. Menurut Khairulnizam Mat Karim (2008) faktornya penyumbang kepada perkembangan dialog, adalah kerana rasa ketidakpuasan hati masyarakat bukan Islam terhadap pelaksanaan Dasar Islamisasi yang dilancarkan oleh pihak kerajaan pada awal tahun 1980-an.

Rahimin Affandi Abd. Rahim et. al (2011) menggariskan tiga bentuk dialog yang berlaku dalam kalangan masyarakat. *Pertamanya* adalah Dialog Kehidupan, iaitu dialog yang berlaku dalam masyarakat, kesan daripada pertembungan yang berlaku, khususnya dalam aspek budaya. Kebiasaannya, dialog kehidupan berlaku disebabkan perubahan dalam sudut sosiobudaya. Ini kerana, masyarakat yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza akhirnya bertemu dalam suatu tempat yang sama, seterusnya membawa kepada berlakunya interaksi antara mereka. Interaksi yang berlaku, hanya melibatkan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat. Selain Dialog Kehidupan, dialog juga terhasil daripada inisiatif pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dalam






membincangkan sesuatu isu. Dalam dialog yang dilakukan, antara mereka saling berusaha untuk melaksanakan sesuatu agenda yang memberi manfaat kepada semua pihak. Bentuk dialog ini adalah merujuk kepada Dialog Tindakan Bersama. Adapun dialog yang hanya melibatkan kalangan agamawan untuk membincangkan sesuatu isu yang bersifat keagamaan secara formal dan ilmiah dinamakan sebagai Dialog Wacana Intelektual. Dialog ini berlaku dalam tiga bentuk, sama ada dalam bentuk bilateral (melibatkan dua agama), *trilateral* (melibatkan agama *Ibrahimi*) atau multilateral (melibatkan agama *Ibrahimi* dan budaya) (Rahimin Affandi Abd. Rahim et. al 2011).

PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia pada hari ini membangun sebagai sebuah negara yang kaya dengan pelbagai budaya, bangsa dan agama. Suasana yang unik ini dapat diperhatikan dalam statistik Jabatan Perangkaan Kerajaan Malaysia (2010) yang mencatatkan jumlah populasi penduduk adalah sebanyak 28.3 juta. Jumlah ini merangkumi 91.8 peratus warganegara yang terdiri daripada kumpulan etnik Bumiputera (67.4%), Cina (24.6%), India (7.3%) dan Lain-lain (0.7%), manakala 8.2 peratus terdiri daripada bukan warga negara. Manakala populasi agama mencatatkan bahawa Islam adalah agama paling meluas yang dianuti oleh masyarakat di Malaysia dengan kadar 61.3 peratus, diikuti oleh agama Buddha (19.8%), Kristian (9.2%) dan Hindu (6.3%). Selebihnya, iaitu sebanyak 3.4 peratus adalah terdiri daripada kelompok minoriti daripada agama-agama tradisi (1.3%), kelompok yang tiada agama (0.7%), dan tidak diketahui (1.0%). Lihat RAJAH 1.

RAJAH 1 Jumlah Peratusan Penganut Agama di Malaysia



Berdasarkan jumlah komposisi agama yang wujud di Malaysia, penganut Islam adalah lebih ramai daripada penganut agama lain. Justeru hal ini selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan sementara agama-agama lain tetap bebas untuk diamalkan dengan aman damai. Ini seperti mana yang dinyatakan dalam





Perkara 3 (1), “Islam adalah agama bagi persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan” (Perlembagaan dan Undang-undang Am 2009). Kewujudan pelbagai etnik, agama dan budaya dalam kalangan masyarakat lazimnya mengundang perbezaan dalam pemikiran, cara hidup, dan ragam yang tertentu. Situasi ini secara tidak langsung mewujudkan persepsi dan sikap yang negatif jika masyarakat tidak dididik dengan persefahaman dan amalan toleransi dalam menerima kepelbagaian yang wujud. Di pihak kerajaan, beberapa dasar telah dilaksanakan bagi memastikan perpaduan negara dan integrasi nasional terus terpelihara semenjak negara ini mencapai kemerdekaan melalui paksi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Situasi ini digambarkan dalam kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon ketika menjawab soalan daripada Puan Hajah Rohani Abdullah, senator Dewan Negara pada mesyuarat Dewan Negara yang bertarikh 17 Julai 2012, iaitu:

“...sejak kemerdekaan, Kerajaan Malaysia telah mengutamakan perpaduan negara dan integrasi nasional sebagai satu dasar pokok dalam pembinaan negara berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Gagasan 1Malaysia yang dipacu oleh Perdana Menteri kita sekarang bertujuan untuk terus menggalakkan rakyat supaya bukan sahaja bertoleransi tetapi juga menerima, menghormati bahkan meraikan kepelbagaian di kalangan rakyat berdasarkan kepada konsep keterangkuman dan kesederhanaan serta prinsip keadilan sosial. Bahkan di peringkat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah memperkenalkan perkhidmatan *mediator community* yang bertindak sebagai perantara atau pendamai dengan kemahiran untuk membantu menenteramkan keadaan, menggalakkan perundingan, mencari penyelesaian, penerimaan, persetujuan dan pendamaian antara pihak-pihak yang bertelingkah supaya tidak menimbulkan ketegangan dan mencetuskan rasa marah yang akan membawa kepada pergaduhan, serangan, demonstrasi mahupun rusuhan.”


Pada hemat penyelidik, gagasan-gagasan yang sedia ada seperti Rukun Negara, Dasar Pendidikan Negara dan DEB masih belum memadai untuk menyelesaikan kesemua konflik antara penganut agama dan kaum di Malaysia. Maka tidak keterlaluan jika dikatakan gagasan yang sedia ada kurang berkesan lantaran isu-isu agama dan kaum tidak dapat diselesaikan biarpun di peringkat pihak berkuasa mempunyai keupayaan dalam pelbagai aspek, baik media massa, tenaga kepakaran, dan sebagainya. Lebih membimbangkan, isu konflik atau ketegangan yang berlaku dalam masyarakat pada dua tahun kebelakangan ini semakin meningkat. Perkara ini jelas dinyatakan dalam statistik Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) yang dibuat oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (2012) dengan peningkatan sebanyak 19.9 kes per sejuta penduduk pada tahun 2012, berbanding tahun 2011, iaitu 18.2 kes per sejuta penduduk. Malah dalam Global Peace Index (2011 & 2012), kedudukan Malaysia menurun daripada tangga ke-19 ke tangga ke-20 dalam tempoh dua tahun ini daripada 150 buah negara yang lain.





Kenaikan kadar ketegangan dalam masyarakat di negara ini memberi gambaran bahawa, tahap amalan dialog dan sikap toleran antara penganut agama di negara ini masih berada di tahap yang kurang memuaskan dan perlu diperbaiki mutunya bagi memastikan keharmonian dan perpaduan antara pelbagai penganut agama terpelihara dengan baik. Faktornya mungkin berpunca daripada kurangnya amalan pembudayaan dialog dan keberkesannya dalam kalangan masyarakat. Penyelidik berpendapat, isu-isu sensitif yang bersifat keagamaan dan perkauman perlu ditangani dengan bijak dan lebih awal agar tidak menjadi semakin parah. Menurut Laporan Mesyuarat Dewan Negara yang bertarikh 17 Julai 2012, kebanyakan kawasan-kawasan yang berisiko adalah daripada negeri Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Johor. Lebih signifikan, kebanyakan kes-kes yang berlaku adalah daripada negeri-negeri yang jumlah penduduknya mempunyai kadar populasi hampir sama dari sudut agama dan kaumnya umpamanya di Johor dan Pulau Pinang. Perkara ini dapat diperhatikan dalam laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) seperti mana yang tertera pada Rajah 2 dan 3 di bawah.

RAJAH 2 Populasi Penganut Agama di Johor dan Pulau Pinang 2010



Berdasarkan rajah di atas, jumlah penganut Islam di Johor mencatatkan peratusan sebanyak 58.2 peratus berbanding dengan penganut Islam di Pulau Pinang (44.6%), manakala jumlah penganut Buddha di Johor sebanyak 29.6 peratus, rendah daripada jumlah penganut Buddha di Pulau Pinang (35.6%). Bagi penganut agama Hindu, peratusan penganutnya di Johor (6.6%) lebih rendah dari Pulau Pinang (8.7%), dan demikian juga jumlah penganut Kristian di Johor dengan kadar peratusan sebanyak 3.3 peratus berbanding dengan Pulau Pinang dengan kadar 5.1 peratus. Selebihnya, iaitu 0.1






peratus di Johor dan 4.9 peratus di Pulau Pinang adalah terdiri daripada penganut agama lain. Daripada sudut penganut agama, dapatan menunjukkan bahawa jumlah penganut agama di Johor, non-Muslim adalah lebih sedikit iaitu sebanyak 38.6 peratus, berbanding penganut Islam (58.2%). Manakala di Pulau Pinang, jumlah penganut bukan Islam lebih ramai (54.3%) daripada penganut Islam (44.6%).

Bagi aspek kaum pula, jumlah populasi yang hampir sama, di mana kaum bumiputera adalah lebih ramai di Johor berbanding Pulau Pinang, manakala jumlah populasi sebaliknya, iaitu kaum bukan bumiputera lebih ramai daripada kaum bumiputera di Pulau Pinang.

RAJAH 3 Populasi Bangsa di Johor dan Pulau Pinang 2010



Berdasarkan RAJAH 3 di atas, jumlah bumiputera di Johor adalah sebanyak 58.9 peratus dan lebih tinggi daripada Pulau Pinang 43.6 peratus. Kadar ini berlainan jika melihat kepada bangsa Cina di Johor (33.6%) yang lebih rendah daripada bangsa Cina di Pulau Pinang (45.6%). Manakala bangsa India di Johor (7.1%) adalah rendah berbanding dengan bangsa India di Pulau Pinang (10.4%) dan seterusnya bangsa-bangsa lain masing-masing di setiap negeri mencatatkan jumlah peratusan yang sama, iaitu sebanyak 0.4 peratus. Di sini dapat dirumuskan bahawa, peratusan kaum bumiputera di Johor (58.9%) adalah lebih tinggi daripada bukan bumiputera (41.6%), manakala di Pulau Pinang, kaum bukan bumiputera (56.4%) adalah lebih tinggi berbanding dengan kaum bumiputera (43.6%).

Oleh yang demikian, penyelidik merasakan perlunya suatu kajian untuk mengukur tahap amalan dialog antara agama dalam kalangan masyarakat di negeri-negeri yang





terbabit, dengan menjadikan Johor dan Pulau Pinang sebagai model yang baik untuk dikaji. Dalam hal ini, penyelidik memilih dua buah pertubuhan badan bukan kerajaan yang terlibat dalam dialog antara agama, iaitu ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). Pemilihan kedua-dua buah pertubuhan ini berpotensi untuk mengkaji isu kefahaman dan amalan dialog dalam kalangan masyarakat di Johor dan Pulau Pinang, selaras dengan status 'kawasan berisiko' daripada sudut ketegangan antara penganut agama dan kaumnya. Secara tidak langsung, ia dapat merungkai isu sejauh manakah keberkesanan amalan dialog yang dilaksanakan oleh setiap pertubuhan. Bahkan kedua-dua buah pertubuhan ini adalah merupakan satu-satunya pertubuhan yang terlibat dalam dialog antara agama di setiap negeri masing-masing. Selain itu, metode dialog yang digunakan oleh setiap pertubuhan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

Permasalahan kajian di sini secara khusus tertumpu kepada aspek amalan dialog, ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). Daripada tinjauan awal yang dilakukan, penyelidik mendapati wujudnya perbezaan antara kedua buah pertubuhan. Ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor misalnya menggunakan dua metode iaitu metode formal dan tidak formal. Metode formal lazimnya melibatkan perbincangan antara wakil agama mengenai isu-isu sejagat yang bukan bersifat teologi. Metode tidak formal pula adalah lebih kepada partisipasi ahli pertubuhan dalam program kemasyarakatan khususnya melalui khidmat pemandu pelancong di samping aktiviti kemanusiaan yang bertujuan membina hubungan antara penganut agama. Maka dialog berlaku secara tidak langsung antara penganut agama. Manakala bagi ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI), metode dialog yang diamalkan hampir sama dengan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor. Hanya perbezaan yang wujud antara kedua buah pertubuhan ini adalah, metode dialog Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) lebih dinamik. Selain aktiviti dialog berbentuk formal yang melibatkan perbincangan antara tokoh agama, Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) juga memainkan peranan sebagai pusat penerangan (*Islamic Center*) kepada non-Muslim khususnya dalam aktiviti syarahan, kelas asas pengajian Islam, dan khidmat pemandu pelancong. Keadaan ini mengundang andaian awal bahawa amalan dialog ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Johor dilihat kurang proaktif berbanding dengan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). Perbezaan metode pelaksanaan dialog antara kedua buah pertubuhan juga menimbulkan persoalan sejauh mana tahap pengamalan dialog antara agama di kalangan setiap ahli pertubuhan? Selain itu, apakah dalam kalangan pertubuhan mempunyai panduan yang khusus dalam mengendalikan sesebuah program dialog?

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah berbentuk tinjauan kualitatif dan kuantitatif, iaitu dengan menggunakan metode temu bual, kajian kepustakaan dan tinjauan (*survey*). Bagi metode temu bual, penyelidik telah menemu bual dua orang pimpinan daripada setiap pertubuhan;





responden daripada ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Johor adalah Abd Razak Aripin merangkap Yang Dipertua dan Dr. Fauzi Othman merangkap mantan Majlis Tertinggi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor. Manakala responden daripada Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) adalah Kamaruddin Abdullah merangkap Presiden Pertubuhan dan En. Mohamed Sirajuddin Mohamed Kamal, selaku bendahari pertubuhan. Temu bual yang dijalankan adalah secara semi-berstruktur iaitu penyelidik menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh setiap tokoh dianalisis berdasarkan setiap data yang diperolehi. Manakala bagi kajian kepustakaan, beberapa karya yang berkaitan dengan topik kajian dipilih termasuklah beberapa buku dan jurnal, laporan aktiviti tahunan pertubuhan, buletin rasmi dan laman sesawang pertubuhan. Bagi kaedah soal selidik, sejumlah 162 responden telah dipilih, iaitu sejumlah 102 responden adalah daripada ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor manakala 60 responden adalah daripada Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). Instrumen kajian ini telah dibina berdasarkan objektif kajian dan mendapat kesahan daripada ahli penyelidik daripada Jabatan Usuluddin dan Falsafah, dan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala ujian kebolehppercayaan yang telah dijalankan melibatkan 30 orang responden daripada ahli akademik dan kakitangan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia secara rawak mudah kerana mereka didapati mempunyai item-item yang sama dengan populasi kajian. Nilai *alpha cronbach* yang diperolehi adalah sebanyak 0.907.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menganalisis tahap amalan dialog antara agama ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). Analisis adalah dibuat berdasarkan dapatan nilai min secara keseluruhan bagi setiap pertubuhan.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor

JADUAL 1 Demografi

Item	N	Faktor	Peratus
Jantina	29	Lelaki	28.4
	73	Perempuan	71.6
Bangsa	101	Melayu	99
	1	Cina	1
Kelulusan Akademik Tertinggi	22	Sarjana Muda	21.6
	18	Diploma	17.8





Item	N	Faktor	Peratus
	49	SPM/STPM	48
	3	UPSR	2.9
	1	Tiada Pendidikan Formal	1
	1	Tidak menjawab	1
Bidang Jurusan di IPT	21	Agama	20.6
	14	Sastera & Sains Sosial	13.7
	9	Sains & Sains Ikhtisas	8.8
	2	Kejuruteraan	2
	1	Pengurusan	1
	1	Perakaunan	1
	1	Perkomputeran	1
	1	Perniagaan	1
	1	Sains Komputer	1
Pekerjaan Semasa	7	Kerajaan	6.9
	11	Swasta	10.8
	56	Persendirian	54.9
	17	Pesara	16.7
	5	Suri rumah	4.9
	3	Pelajar	2.9
	1	Tidak bekerja	1

JADUAL 1 (bersumberkan data soal selidik 2012) menunjukkan latar belakang diri ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor yang terdiri daripada item jantina, bangsa, kelulusan akademik tertinggi, bidang jurusan di institut pengajian tinggi, dan pekerjaan semasa. Berhubung dengan jantina, jumlah responden perempuan adalah lebih banyak (71.6%) berbanding, responden lelaki (29.4%). Manakala pada item kedua, bangsa Melayu menjadi majoriti responden (99%) dan hanya 1 peratus daripada responden berbangsa Cina. Manakala pada item ketiga iaitu kelulusan akademik tertinggi, responden yang mempunyai kelulusan SPM dan STPM mencatatkan peratusan yang tinggi, iaitu sebanyak 48 peratus, diikuti dengan Sarjana Muda (21.6%), Diploma (17.8%), dan UPSR (2.9%). Manakala item keempat, iaitu jurusan di institut pengajian tinggi, sebanyak 20.6 peratus adalah terdiri daripada jurusan agama, diikuti 13.7 peratus daripada jurusan Sastera dan Sains Sosial, dan 8.8 peratus daripada Sains dan Sains Ikhtisas. Manakala selebihnya, adalah daripada Kejuruteraan (2%), Pengurusan (1%), Perakaunan (1%), Perkomputeran (1%), Perniagaan (1%), dan Sains Komputer (1%). Seterusnya pada item latar belakang pekerjaan responden, jumlah peratusan yang tertinggi adalah daripada yang bekerja secara persendirian, dengan jumlah peratusan sebanyak 54.9, dan diikuti dengan pesara (16.7%), pekerja swasta (10.8%), pekerja kerajaan (6.9%) dan suri rumah (4.9%). Selebihnya, iaitu 2.9 peratus adalah terdiri daripada golongan pelajar dan tidak bekerja.





JADUAL 2 Tahap Amalan Dialog Antara Agama

Item (Amalan)	Min	Tahap
Saya sering berdialog dengan menggunakan pendekatan agama.	3.02	Sederhana
Apabila tiba musim perayaan, saya mengirim ucapan kepada jiran dan rakan bukan seagama.	3.42	Sederhana
Saya menganggotai persatuan yang terdiri daripada pelbagai agama.	2.87	Sederhana
Saya berkongsi isu semasa dengan rakan-rakan yang berlainan agama.	3.64	Tinggi
Saya membeli barangan keperluan di kedai yang pemiliknya berlainan bangsa dan agama.	3.77	Tinggi
Purata min	3.34	Sederhana

Hasil analisis menunjukkan purata min keseluruhan bagi ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Johor adalah sebanyak 3.34, iaitu pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan tahap amalan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor berada pada tahap sederhana. Analisis secara keseluruhan menunjukkan kebanyakan item-item yang berkaitan dengan amalan dialog ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor berada pada tahap sederhana, iaitu item 'Saya sering berdialog dengan menggunakan pendekatan agama' ($M=3.02$), 'Apabila tiba musim perayaan, saya mengirim ucapan kepada jiran dan rakan bukan seagama' ($M=3.42$), 'Saya menganggotai persatuan yang terdiri daripada pelbagai agama' ($M=2.87$) dan dua item sahaja berapa pada tahap yang tinggi.

Bentuk Amalan Dialog Antara Agama Ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor

Penglibatan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dalam dialog antara agama bermula sejak tahun 1998 melalui hubungan secara tidak langsung dengan penganut agama Kristian, dan pada tahun 2000, ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor telah membina hubungannya dengan persatuan Buddha (Muhd Fauzi Othman 2012). Menurut Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor, Abdul Razak Aripin (2013), amalan dialog ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dapat dibahagikan dua bentuk, iaitu; formal dan tidak formal. Amalan dialog yang berbentuk formal adalah dialog antara agama yang menampilkan beberapa tokoh agama khususnya Kristian dan Buddha bagi membincangkan isu-isu sejagat, manakala bentuk amalan dialog yang tidak formal hanya bersifat Dialog Kehidupan dengan melakukan perbualan di kedai makan dan menelefon





bagi menanyakan khabar. Selain itu, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor juga menyediakan khidmat pemandu pelancong sesuai dengan lokasi ibu pejabat Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor yang hampir dengan masjid Negeri Johor, iaitu Masjid Sultan Abu Bakar. Setiap pemandu pelancong yang datang berkunjung akan diberikan taklimat dan penerangan mengenai Islam dan secara tidak langsung interaksi antara agama berlangsung.

Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)

JADUAL 3 Demografi

Item	N	Faktor	Peratus
Jantina	26	Lelaki	43.3
	34	Perempuan	56.7
Bangsa	53	Melayu	88.3
	2	Cina	3.3
	4	India	6.7
	1	Iban	1.7
Kelulusan Akademik Tertinggi	1	PhD	1.7
	7	Sarjana	11.7
	29	Sarjana Muda	48.3
	5	Diploma	8.3
	18	SPM/STPM	30
Bidang Jurusan di IPT	1	Agama	1.7
	7	Sastera & Sains Sosial	11.7
	18	Sains & Sains Ikhtisas	30
	16	Sains Kesihatan & Perubatan	26.7
	1	Ekonomi	1.7
	1	Pentadbiran Awam	1.7
	30	(Tidak disenaraikan)	50.0
Pekerjaan Semasa	3	Kerajaan	5
	12	Swasta	20
	7	Persendirian	11.7
	2	Pesara	3.3
	4	Suri rumah	6.7
	30	Pelajar	50

JADUAL 3 di atas (bersumberkan soal selidik 2012) menunjukkan latar belakang diri responden Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) yang terdiri daripada





item jantina, bangsa, kelulusan akademik tertinggi, bidang jurusan di institut pengajian tinggi, dan pekerjaan semasa. Berhubung dengan item jantina, jumlah responden perempuan adalah lebih tinggi dengan jumlah peratusan sebanyak 56.7, manakala responden lelaki adalah 43.3. Pada item kedua, bangsa Melayu menjadi majoriti responden dengan peratusan sebanyak 88.3 manakala selebihnya terdiri daripada bangsa Cina (3.3%), India (6.7%) dan Iban (1.7%). Berhubung dengan item ketiga, responden yang mempunyai kelulusan Sarjana Muda mencatatkan peratusan terbanyak, iaitu 48.3 peratus, diikuti dengan SMP/STPM (30%), Sarjana (11.7%), Diploma (8.3%), dan PhD (1.7%). Manakala pada item keempat iaitu pekerjaan, kebanyakan responden adalah terdiri daripada kalangan pelajar dengan jumlah peratusan sebanyak 50 peratus, diikuti pekerja swasta (20%), bekerja secara bersendirian (11.7%), suri rumah (6.7%), pekerja kerajaan (5%) dan pesara (3.3%).

JADUAL 4 Tahap Amalan Dialog Antara Agama

Item (Amalan)	Min	Tahap
Saya sering berdialog dengan menggunakan pendekatan agama.	3.17	Sederhana
Apabila tiba musim perayaan, saya mengirim ucapan kepada jiran dan rakan bukan seagama.	3.38	Sederhana
Saya menganggotai persatuan yang terdiri daripada pelbagai agama.	3.44	Tinggi
Saya berkongsi isu semasa dengan rakan-rakan yang berlainan agama.	3.71	Tinggi
Saya membeli barangan keperluan di kedai yang pemiliknya berlainan bangsa dan agama.	3.92	Tinggi
Purata min	3.52	Tinggi

Hasil analisis menunjukkan purata min keseluruhan bagi Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) adalah sebanyak 3.52, iaitu pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan tahap amalan ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) berada pada tahap tinggi. Analisis secara keseluruhan menunjukkan item-item yang berkaitan dengan amalan dialog ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) berada pada tahap tinggi melainkan dua item yang berada pada tahap sederhana, iaitu item 'Saya sering berdialog dengan menggunakan pendekatan agama' (M=3.17) dan 'Apabila tiba musim perayaan, saya mengirim ucapan kepada jiran dan rakan bukan seagama' (M=3.38).





Bentuk Amalan Dialog Antara Agama Ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)

Penglibatan ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) dalam dialog antara agama bermula secara tidak rasmi pada tahun 1994 melalui aktiviti dakwah yang dijalankan terhadap non-Muslim yang datang berkunjung ke Masjid Kapitan Keling bersempena Hari Warisan Penang setiap tahun. Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) didaftarkan secara rasmi pada tahun 2004 sekali gus merencanakan aktiviti dakwah mereka kepada non-Muslim dalam pelbagai metode dan pendekatan termasuklah melalui dialog antara agama (Kamaruddin Abdullah 2012). Pengamalan dialog antara agama ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) adalah berorientasikan dakwah, dan pendekatan yang digunakan terbahagi kepada dua bentuk, iaitu formal dan tidak formal. Bentuk dialog formal adalah aktiviti dialog antara agama yang diadakan dengan tujuan membina persefahaman antara penganut agama sama ada melalui forum dan diskusi. Dalam bentuk ini, ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab memilih panel yang berkelayakan dan moderator yang telah diberi taklimat khas. Di kalangan moderator lazimnya daripada ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) manakala di kalangan panel, adalah daripada penganut agama lain dan ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) yang berkelayakan. Manakala bentuk dialog antara agama yang tidak bersifat formal adalah terdiri daripada aktiviti dialog secara tidak langsung, yang merujuk kepada program Jelajah Masjid, Syarahan Umum Tempatan dan Antarabangsa, Syarahan Kepada Bukan Islam, dan Program Rumah Terbuka Hari Warisan Penang. Sesi dialog berlangsung ketika timbulnya persoalan dalam kalangan non-Muslim kepada ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) berkait dengan beberapa isu.

Pertama, aktiviti jelajah masjid (*Mosque Tour*). Aktiviti ini berlangsung secara berkala khususnya bersempena dengan sesuatu peristiwa. Dalam aktiviti ini, ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) berperanan untuk menjelaskan kepada pelancong mengenai sejarah dan latar belakang masjid di samping turut mengambil peluang untuk menjelaskan tentang Islam khususnya isu-isu yang sering dipropagandakan media-media Barat seperti isu penindasan terhadap kaum wanita. Slot interaksi berupa soal jawab juga berlangsung antara kedua pihak berkait dengan beberapa perkara yang ingin diketahui khususnya dalam kalangan pelancong (Bulletin IPSI 2011). *Kedua*, syarahan umum dan antarabangsa (*Public and International Lecture*). Dalam program ini, ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) berperanan sebagai 'orang tengah' antara golongan ilmuwan dengan masyarakat dalam memberi pendidikan dan kefahaman kepada masyarakat mengenai dengan isu-isu agama dan ilmu perbandingan agama. Setiap permasalahan dan persoalan yang rumit dalam kalangan masyarakat Muslim dan non-Muslim dapat diutarakan secara langsung kepada pihak yang mempunyai kelayakan untuk menjawabnya. *Ketiga*, rumah terbuka Hari Warisan Penang (*Penang Heritage Day*). Ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) pada hari tersebut berperanan sebagai pemandu pelancong yang berkunjung dan berada di sekitar Masjid Kapitan Keling dan kawasan-kawasan bersejarah di Penang (Bulletin IPSI





2011). Pemandu pelancong yang bertugas bertindak menerangkan beberapa isu mengenai sejarah masjid dan agama Islam. Setiap pelancong bebas untuk mengemukakan sebarang pandangan dan persoalan kepada para pemandu pelancong.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pembinaan dialog yang konstruktif dan berkesan dapat membantu meningkatkan kondisi yang lebih baik dalam kalangan penganut pelbagai agama dan budaya (Tayseir M. Mandour 2010). Menurut Syed Farid al-Atas (2008), setiap pihak perlu memainkan peranan dalam membudayakan dialog, tidak terhad kepada ahli teologi, golongan cendekiawan, dan pertubuhan dalam masyarakat. Selaras dengan itu, Azizhan Baharuddin (2008) menegaskan, pembudayaan dialog amat penting bagi memperkukuhkan jalinan perpaduan dan integrasi nasional yang merupakan kunci kelangsungan dan kemapanan sesebuah negara. Dalam konteks di Malaysia, tiadanya sebarang badan rasmi kerajaan yang mengendalikan aktiviti dialog antara agama, hal tersebut mendorong kepada kemunculan pelbagai NGO untuk mengendalikan dialog (Ghazali Basri 2009). Justeru, dalam suasana kedudukan masyarakat Melayu Islam yang dominan dalam negara ini, adalah amat wajar jika usaha-usaha untuk mengadakan dialog ini diterajui oleh NGO Islam. Bahkan, NGO Islam dilihat sebagai wadah terbaik dalam mengamalkan dan membudayakan dialog antara agama dalam kalangan masyarakat awam.

Daripada hasil kajian antara kedua-dua buah NGO Islam menunjukkan bahawa tahap amalan dialog antara agama bagi ahli kedua-dua pertubuhan mencatatkan perbezaan, iaitu tahap amalan dialog ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor berada pada tahap sederhana berbanding Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) yang berada pada tahap yang tinggi. Dari sudut bentuk amalan dialog juga berbeza, berdasarkan bentuk amalan dialog ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) lebih bersifat proaktif dan bervariasi manakala bentuk amalan dialog ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor kurang aktif. Demikian juga dengan pendekatan amalan dialog antara agama Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) yang lebih efektif kerana berjaya menarik minat golongan non-Muslim dan Muslim untuk terlibat dalam dialog antara agama. Terdapat beberapa faktor meningkatnya tahap sambutan masyarakat terhadap program dialog antara agama yang diterajui oleh Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI), iaitu pendekatan yang dinamik dan bersifat mesra kepada semua pihak. Selain dari pendekatan yang digunakan, di kalangan ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) juga memberikan komitmen yang baik dalam menjayakan sebarang aktiviti pertubuhan yang bersifat berkala.

Perkara ini mungkin ada kaitannya dengan latar belakang kebanyakan ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) adalah terdiri daripada mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Dalam satu kajian yang dibuat oleh Jaffary Awang et. Al (2007), yang bertajuk '*Dialog Antara Agama-agama dan Kepentingannya*





dalam *Pembangunan Masyarakat di Malaysia Menurut Persepsi Pelajar-pelajar Muslim dan Non-Muslim di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)*', sebanyak 88.6 peratus responden dalam kalangan penuntut di IPTA mempunyai sikap terbuka terhadap dialog. Justeru, hal tersebut dilihat menyumbang kepada banyaknya tenaga dalam kalangan ahli pertubuhan untuk menggerakkan sebarang aktiviti dialog. Selain itu, Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) juga memberikan latihan khusus bagi membina kemahiran dalam mengendalikan sesebuah aktiviti dialog. Latihan ini bagaimanapun bergantung pada ahli yang berminat dan mempunyai ilmu pengetahuan terhadap agama-agama lain (Kamaruddin Abdullah 2012).

Daripada pendekatan yang digunakan, Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) menumpukan kepada dua bentuk dialog; iaitu Dialog Melalui Tindakan Bersama dan Dialog Wacana Intelektual selaras dengan konseptual Rahimin Affandi Abd. Rahim et.al (2011). Dialog bentuk ini lazimnya dilakukan oleh non-governmental organisation (NGO) Islam dan bukan Islam yang bersatu memperjuangkan isu-isu membabitkan kemanusiaan sejagat. Semua pihak bersetuju dengan peranan setiap agama dalam pelbagai nilai dan formula bagi menyelesaikan permasalahan masyarakat. Manakala bentuk dialog kedua, iaitu Dialog melalui Wacana Intelektual yang membabitkan antara agama *Ibrahimi* (Islam dan Kristian) dengan agama budaya (Buddha dan Hindu). Dialog bentuk multilateral ini didapati lebih efektif kerana perbincangannya lebih berfokus dan lebih terkawal. Kedua-dua bentuk dialog ini dioptimumkan melalui pelbagai mekanisme.

Berbanding dengan amalan dialog antara agama ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor, pendekatan yang sedia ada kurang efektif dan terhad kepada sesuatu aktiviti sahaja. Daripada sudut bentuk dialog, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor lebih menekankan kepada Dialog Melalui Tindakan Bersama berbanding Dialog melalui Wacana Intelektual. Ini berikutan ketiadaan pihak yang berkecualan untuk mengendalikan amalan dialog. Menurut Abdul Razak Aripin dan Mohd Fauzi Othman (2012), individu yang bertanggungjawab sepenuhnya mengadakan hubungan dan interaksi dengan penganut agama lain adalah Dr. Azmi Shah Suratman ketika beliau memegang tampuk kepimpinan pada 1995-2002. Ketika tampuk kepimpinan beliau, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor progresif dalam membina dan menjalinkan hubungan antara penganut agama termasuk melalui mekanisme dialog antara agama. Setelah beralih tampuk kepimpinan, tumpuan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor lebih kepada hal-hal yang bersifat kebajikan berbanding dengan amalan dialog antara agama.

Kedua, kurangnya komitmen ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dalam amalan dialog. Di kalangan ahli pertubuhan, kebanyakannya adalah daripada pekerja persendirian. Justeru dalam pengamalan dialog, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor mengambil sikap selektif dengan memilih individu tertentu khususnya dalam kalangan pimpinan bagi mewakili pertubuhan dalam sesebuah dialog. *Ketiga*, tahap sambutan dalam kalangan masyarakat yang kurang memberangsangkan. Terdapat segelintir dalam kalangan masyarakat yang menghadiri program dialog masih





mempunyai sikap prejudis terhadap penganut agama lain. Sikap ini dapat dikenal pasti berdasarkan tahap sambutan yang berbeza ditonjolkan dalam program dialog anjuran Muslim dan non-Muslim. Dari segi penglibatan, kebanyakan peserta yang terlibat dalam dialog antara agama adalah dalam kalangan non-Muslim yang terdiri dari penganut Kristian dan Buddha manakala jumlah penganut Islam dari bangsa Melayu adalah sedikit. Fenomena ini mungkin ada benarnya jika melihat kepada kenyataan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled (2008), bahawa dominasi kaum atau etnik tertentu terhadap sesuatu agama adakalanya mempengaruhi interaksi sosial antara masyarakat majmuk di Malaysia. Ini kerana apabila setiap etnik atau kaum sentiasa memperlihatkan usaha menzahirkan dan memurnikan kehidupan beragama masing-masing, boleh menimbulkan persaingan yang berbentuk eksklusif keterlaluan yang membawa kepada salah faham dan ketegangan. Keadaan ini lebih jelas dilihat berlaku kepada kaum atau khususnya etnik Melayu.

KESIMPULAN

Dalam konteks masyarakat di Negara ini, usaha-usaha mengadakan dialog antara agama seharusnya diperkasakan oleh setiap pihak khususnya di kalangan NGO-NGO Islam. Dalam hal ini, di kalangan mereka yang terlibat dalam dialog perlu bersedia dari sudut kepakaran dan kemahiran dalam ilmu dialog, serta mampu melahirkan ahli yang komited dalam program dialog. Menerusi kajian yang dibuat terhadap tahap amalan dialog antara agama di antara ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI), kedua-dua memperlihatkan perbezaan dari sudut amalan dialog, iaitu dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) mencatatkan tahap yang tinggi daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor. Demikian juga dari sudut pendekatan ahli Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) yang dilihat lebih praktikal dan efektif berbanding Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor. Dalam hal ini, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor perlu memperkasa amalan dialog dalam kalangan ahli. Selain itu, pihak Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor boleh menjadikan pendekatan dialog Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) sebagai model yang baik bagi memastikan pelaksanaan dialog dapat berjalan dengan lebih efektif.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil dapatan projek penyelidikan yang bertajuk Dialog Antara Agama: Epistemologi Pendekatan dan Amalan di kalangan NGO Islam Malaysia (GPP-2011-010) yang dijalankan oleh Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.





RUJUKAN

- Abdul Razak Aripin. 2012. *Sejarah, Kefahaman, dan Amalan Angkatan Belia Islam Malaysia Johor dalam Dialog Antara Agama*. Temu bual, 14 Mei.
- Ahmad Husni Haji Hasan. 2011. *An Islamic Perspective of the Interfaith Dialogue Amidst Current Inter-Religious Tensions Worldwide*. *GJAT* 1(1): 25.
- Azizan Baharuddin. 2008. *Peranan Dialog Peradaban Di Dalam Wacana Tamadun Malaysia*. *Jurnal Peradaban – Jurnal Rasmi Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya* 1.
- Bulletin IPSI. 2011. 1(1). Penang: Islamic Propagation Society International.
- Ghazali Basri. 2000. *Dialog Antara Agama: Peranan Islam dalam Keharmonian Beragama*. *Jurnal Kajian Ketamadunan* 5(1): 30.
- _____. 2009. Inter-religious dialogue in Malaysia. Dlm. *Monograph series Centre for Civilisational Dialogue*. no. 9. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukarram al-Ansari. T.th. *Lisān al-ʿArab*. Juzuk 5. T.tp: Dār al-Miṣriyyah li al-Taʾlīf wa al-Tarjamah.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi 2010*. http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215&lang=bn&Itemid=. Dilawati pada 29 Mac 2012.
- Jaffary Awang et.al. 2007. Dialog Antara Agama-agama dan Kepentingannya dalam Pembangunan Masyarakat di Malaysia Menurut Persepsi Pelajar-pelajar Muslim dan Non-Muslim di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Dlm. *Islam dan Isu-isu Kontemporer: Respon Islam Terhadap Problematika Global & Kearifan Lokal*. (Pnyt.) Hamadi Husain e. al. Surabaya: Lembaga Kajian Agama dan Filsafat (eLKAF).
- Kamar Oniah Kamaruzaman. 2010. *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective*. Kuala Lumpur: IIUM Press International Islamic University Malaysia.
- Kamaruddin Abdullah. 2012. *Sejarah, Kefahaman, dan Amalan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) dalam Dialog Antara Agama*. Temu bual, 7 Jun.
- Kamus Dewan. 2005. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





*Amalan Dialog Antara Agama dalam Kalangan Ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)*

- Khairulnizam Mat Karim. 2008. Dialog Antara Agama Mustahak. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0125&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm. Dilawati pada 25 Januari 2013.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. *Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia*. Jurnal Usuluddin (27):81-92.
- Laporan Mesyuarat Dewan Negara 17 Julai 2012. Parlimen Kedua Belas Penggal Kelima Mesyuarat Kedua.
- Mandour, Tayseir M. 2010. *Islam and Religious Freedom: Role of Interfaith Dialogue in Promoting Global Peace*. Brigham Young University Law Review 10 (3):885.
- Mohd Fauzi Othman. 2012. *Dialog Antara Agama: Sejarah, Kefahaman, Amalan dan Saranan*. Temu bual, 30 September.
- Osman Bakar. 2003. *Islam & Dialog Peradaban: Menguji Universalisme Islam dalam Peradaban Timur & Barat*. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru.
- Perlembagaan dan Undang-Undang Am. 2009. Kuala Lumpur: MDC Publisher Sdn. Bhd.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal. 2011. *Dialog Antara Agama: Realiti Dan Prospek Di Malaysia*. *Kajian Malaysia* 29(2): 91-110.
- Sirajuddin Mohamed Kamal. 2012. *Sejarah, Kefahaman, dan Amalan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI)*. Temu bual, 7 Jun.
- The New Encyclopedia Britannica. 2002. Vol.4. USA: Encyclopedia Britannica Inc.

